



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	17/11/2018	MUKA SURAT : 11
JABATAN	:	SAJ / IWK	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Beri gambaran jelas bil bersama SAJ dan IWK

JIKA tiada arah melintang, syarikat utiliti air dan pembedung di Johor bakal memperkenalkan pembiliran bersama yang pertama dilaksanakan di negeri itu.

Bil bersama tersebut melibatkan operator perkhidmatan air, Ranhill SAJ (SAJ) dengan syarikat pembentungan, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) yang dijangka dilaksanakan mulai tahun hadapan.

Menurut Pengerusi Ranhill, Tan Sri Hamdan Mohamad, menerusi pembiliran bersepadu itu, pengguna akan menerima satu bil yang dikeluarkan SAJ dengan gabungan caj kedua-dua perkhidmatan itu.

“SAJ akan menjadi pusat sehenti bagi kesemua perkara berkaitan pembiliran manakala isu-isu operasi akan diuruskan SAJ mahupun IWK,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Hamdan menjelaskan, sebagai operator air berlesen tunggal di Johor, SAJ komited dalam melaksanakan pendekatan holistik dalam pengurusan air untuk memperluas perkhidmatan tersebut dengan jalinan usaha pembiliran bersama IWK.

“Kaedah ini telah diamalkan di pelbagai negara maju. Ini merupakan langkah baharu dalam mencapai perkhidmatan air bersepadu dan menerapkan elemen pembiliran mesra alam bagi Johor.

“Ia juga seiring dengan aspirasi kerajaan dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 untuk mencapai industri air dan pembentungan yang bersepadu dan mampan di Malaysia,” ujarnya.

Bagaimanapun, usaha kedua-dua syarikat utiliti tersebut bakal menimbulkan tanda tanya dalam kalangan pengguna berikutan kebimbangan caj bil mereka akan melambung tinggi.

Kerisauan tersebut bakal dialami terutama bagi pengguna yang mempunyai tunggakan bil pembedung yang tinggi yang apabila disertakan dengan bil air, mereka sudah tentu perlu membayarnya untuk terus mendapat perkhidmatan air.

Perkara tersebut diakui oleh Presiden Persatuan Penggerak Pengguna Johor (PPJ), Md. Salleh Sadijo yang turut melahirkan kebimbangan bil bersama kedua-dua syarikat utiliti tersebut akan membebaskan pengguna.

Menurutnya, pelaksanaan bil bersama tersebut dilihat sebagai satu usaha IWK untuk mengutip semula tunggakan bil pembedung yang tinggi daripada pengguna dengan cara mudah dan cepat. “Ini kerana banyak juga pengguna mempunyai tunggakan bil pembedung dan apabila bil bersama dilaksanakan nanti akan menyebabkan pengguna keliru sama ada perlu menjelaskan semua bil itu.

“Setakat ini, kedua-dua syarikat utiliti itu tidak pernah membuat penjelasan kepada pihaknya atau orang ramai mengenai usaha mereka itu,” katanya ketika dihubungi di sini kelmarin.



“Ramai pengguna kurang mengambil perhatian tentang bil pembedung IWK kerana tidak memahami dengan jelas peranan syarikat itu dan kaedah caj yang dikenakan berbanding SAJ

Tambah Md. Salleh, ramai pengguna kurang mengambil perhatian tentang bil pembedung IWK kerana tidak memahami dengan jelas peranan syarikat itu dan kaedah caj yang dikenakan berbanding SAJ.

“Kalau bil air, kita tahu berapa banyak kita guna perlu bayar, tetapi kita tidak tahu kaedah pengiraan caj pembedung.

“Bagaimanapun, saya difahamkan implementasi adalah tertakluk kepada beberapa syarat awal termasuk persetujuan daripada semua pihak berkenaan termasuk kerajaan negeri,” ujarnya.

Katanya, sehingga hari ini kerajaan Johor masih belum membuat perbincangan teliti dengan pihak terlibat dan memerlukan masa untuk kajian dan mendapat pandangan daripada semua pihak.

“Saya sudah tinggal di rumah saya lebih 20 tahun namun tidak pernah mengalami masalah pembedung. Ini adalah antara punca mengapa pengguna tidak mengendahkan bil pembedung masing-masing jika tiada masalah,” ujarnya.

Selain itu jelasnya, jika syarikat terbabit terus mahu meneruskan pelaksanaan bil bersama, mereka perlu mengadakan kempen, ceramah dan membuat penerangan kepada pengguna terlebih dahulu.

Bagi pihak PPJ, katanya, persatuan tidak bersetuju dengan langkah kedua-dua syarikat utiliti terbabit melaksanakan bil bersama itu.

Bagaimanapun, tambahnya, PPJ akan cuba mendapatkan penjelasan daripada usaha kedua-dua pihak itu dan meminta kerajaan negeri mengambil perhatian isu tersebut.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti negeri, Jimmy Puah menjelaskan, pelaksanaan bil bersama itu adalah perjanjian swasta antara SAJ dan IWK namun tidak melibatkan kerajaan negeri.

“Bagaimanapun, saya difahamkan implementasi adalah tertakluk kepada beberapa syarat awal termasuk persetujuan daripada semua pihak berkenaan termasuk kerajaan negeri,” ujarnya.

Katanya, sehingga hari ini kerajaan Johor masih belum membuat perbincangan teliti dengan pihak terlibat dan memerlukan masa untuk kajian dan mendapat pandangan daripada semua pihak.



SEORANG lelaki mengambil bahagian dalam acara terjun lelabah pada ketinggian 233 meter di puncak Menara Macau di Macau kelmarin.